

# TAMBOCOR TABLET

Flecainide acetate 100mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tambocor
2. Bagaimana Tambocor works
3. Sebelum menggunakan Tambocor
4. Cara menggunakan Tambocor
5. Semasa menggunakan Tambocor
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tambocor
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Tambocor

Tambocor digunakan untuk merawat keadaan jantung yang dikenali sebagai aritmia. Aritmia ialah denyutan jantung yang tidak teratur atau tidak normal.

## Bagaimana Tambocor berfungsi

Tambocor mengandungi bahan aktif Flecainide acetate 100mg. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil anti-aritmia.

Tambocor berfungsi dengan melambatkan impuls yang menyebabkan jantung berdegup secara tidak teratur atau tidak normal.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai ubat ini.

## Sebelum menggunakan Tambocor

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Tambocor jika anda mempunyai mana-mana yang berikut:

- Anda alah kepada *flecainide acetate* atau bahan-bahan lain terkandung dalam tablet Tambocor
- Anda mempunyai kegagalan jantung

- Anda pernah mengalami serangan jantung
- Anda mempunyai atrial fibrilasi yang lama (pegecutan otot jantung yang cepat)
- Anda mempunyai masalah dengan injap dalam jantung anda
- Anda mempunyai penyakit *sinus node* (suatu keadaan di mana jantung anda berdegup dengan kadar tidak normal)
- Anda mempunyai penyakit “sekat jantung” (denyutan jantung tidak lengkap)

Jangan mengambil Tambocor:

- selepas tarikh luput pada pek;
- jika bungkusannya menunjukkan tanda-tanda terbuka.
- kecuali dinasihatkan oleh doktor anda

### Sebelum mula menggunakan Tambocor

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika

- anda mempunyai alahan kepada ubat-ubatan lain.
- anda mempunyai sebarang masalah jantung;
- anda mempunyai sebarang masalah hati atau buah pinggang;

Beritahu doktor anda jika anda sedang atau bercadang untuk hamil atau menyusukan bayi.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ini terutamanya untuk ubat-ubatan yang mengandungi bahan-bahan aktif seperti berikut:

- *Sodium channel blockers*
- *Digoxin*
- *Beta blockers*

- *Phenytoin*
- *Phenobarbital*
- *Carbamazepine*
- *Amiodarone*

Anda mungkin memerlukan dos yang berbeza, atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang lain. Doktor atau ahli farmasi mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan untuk perhatian atau dielakkan sementara mengambil Tambocor.

## Cara menggunakan Tambocor

Ikut semua arahan yang diberikan oleh ahli farmasi atau doktor anda dengan teliti.

Arahan ini mungkin berbeza dengan maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada kotak, minta ahli farmasi atau doktor anda untuk membantu.

### Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

*Supraventricular arrhythmias* (denyutan jantung tidak teratur yang bermula di bahagian atas jantung anda)

Dos yang biasa ialah setengah tablet dua kali sehari. Doktor anda mungkin meningkatkan dos sehingga 300mg (3 tablet sehari)

*Ventricular arrhythmias* (denyutan jantung tidak teratur yang bermula di bahagian bawah jantung anda)

Dos yang biasa ialah satu tablet dua kali sehari. Doktor anda mungkin meningkatkan dos sehingga 400mg (4 tablet sehari).

Kanak-kanak:

Tidak disyorkan untuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah.

Untuk warga tua dan pesakit dengan masalah buah pinggang:

Doktor anda mungkin preskribkan dos yang lebih rendah untuk anda. Semasa anda mengambil ubat ini, doktor anda mungkin menjalankan ujian darah dengan lebih kerap. Ini adalah untuk memastikan bahawa ubat anda berfungsi dengan betul dan bahawa dos yang anda ambil adalah tepat untuk anda.

#### Bila perlu digunakan

Ambil Tambocor pada masa yang sama setiap hari.

#### Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti rawatan ini tanpa berbincang terlebih dahulu dengan doctor anda.

#### Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil dos Tambocor, ambil ubat ini dengan segera.

Jangan sekali-kali mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

#### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doctor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa sahaja yang terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

### **Semasa menggunakan Tambocor**

#### Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Tambocor.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil ketika mengambil ubat ini.

#### Perkara tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Tambocor untuk merawat apa-apa aduan lain melainkan jika ahli farmasi atau doktor memberitahu anda.

Jangan memberi ubat kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana ubat ini memberi kesan kepada anda.

### **Kesan-kesan sampingan**

Kesan-kesan sampingan bagi Tambocor termasuk

- perubahan denyutan jantung, ia mula berdenyut dengan kuat, atau manjadi lebih cepat atau lebih lambat
- Masalah kulit disebabkan oleh pendedahan kepada cahaya matahari
- Loya dan muntah
- Peningkatan dalam enzim hati atau penyakit kuning
- Pening
- Kebas tangan atau kaki
- berjalan atau pergerakan yang tidak terkawal
- bintik keruh dalam biji mata
- Penglihatan berganda dan kabur
- Penyakit paru-paru tertentu (*pulmonary fibrosis*) atau radang paru-paru (*pneumonitis*)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers -> Reporting).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Tambocor**

#### Penyimpanan

Simpan ubat anda di bawah 30 °C.

Jangan simpan Tambocor atau ubat lain dalam bilik mandi atau berhampiran dengan sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau di atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat ini.

Pastikan ubat ini sentiasa dijauhkan daripada kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari atas lantai adalah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

#### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### Rupa dan warna produk

Tambocor adalah ubat pil bulat berwarna putih yang bertanda "3M" dan "TR100" dengan garisan tengah di sebelah permukaan dalam pek 60 tablets.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

*Flecainide acetate 100mg*

- Bahan tidak aktif

*Pregelatinised maize starch,  
microcrystalline cellulose,  
hydrogenated vegetable oil,  
magnesium stearate,  
croscarmellose sodium.*

Nombor MAL

MAL19871528AR

**Pengilang**

3M Health Care Limited  
Derby Road, Loughborough,  
Leicestershire LE11 5SF,  
UK

**Pemegang Pendaftaran Produk**

iNova Pharmaceuticals (Singapore) Pte  
Ltd (Incorporated in Singapore)  
Malaysia Branch  
Suite 17.01& 17.02,  
Level 17, The Pinnacle,  
Persiaran Lagoon Bandar Sunway,  
46150 PJ, Selangor.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

26 / 08 / 2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)160715/00210